

INOVASI AGIHAN ZAKAT SECARA ELEKTRONIK MELALUI e- DERMASISWA

Teh Suhaila Tajuddin

NurNaddia Nordin

Aza Shahnaz Azman

Norzalina Zainudin

Fakulti Pengurusan dan Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia
tehsuhaila@kuis.edu.my, naddia@kuis.edu.my,
azashahnaz@kuis.edu.my, norzalina@kuis.edu.my

ABSTRAK

Inovasi dalam pengurusan zakat merupakan pemangkin dalam memperkasa peranan dan tanggungjawab institusi zakat. Kini dengan adanya perkembangan pesat dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pengurusan zakat dilihat mampu bergerak lebih ke hadapan melalui inovasi aplikasi secara elektronik. Aplikasi permohonan secara elektronik atau lebih dikenali sebagai e-Dermasiswa telah diperkenalkan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) pada tahun Januari 2009. Inovasi e-Dermasiswa ini dilihat sebagai satu kaedah pengurusan zakat yang lebih efisien dalam mengagihkan bantuan zakat pendidikan kepada pelajar. Kajian ini dilaksanakan bagi menilai tahap kesedaran dalam kalangan pelajar berkenaan e-Dermasiswa. Penyelidikan secara kuantitatif ini menggunakan instrumen borang kaji selidik yang diedarkan kepada 350 pelajar IPT yang berasal dari Pahang atau sedang mengikuti pengajian di Pahang. Namun, hanya 262 responden sahaja yang boleh digunakan bagi tujuan analisis data. Dapatan kajian menunjukkan masih terdapat 18.6 peratus pelajar yang tidak mengetahui mengenai bantuan zakat pendidikan yang disediakan oleh pihak MUIP. Hasil kajian ini diharapkan mampu memberi nilai tambah kepada sistem pengagihan zakat yang sedia ada atau juga boleh dijadikan panduan kepada institusi zakat di negeri-negeri lain di Malaysia dalam memberikan perkhidmatan pengurusan zakat pendidikan yang lebih cekap dan efisien pada masa hadapan.

Kata kunci: *Zakat pendidikan, agihan zakat, kesedaran, aplikasi elektronik, e-Dermasiswa*

1. Pengenalan

Pendidikan merupakan keperluan asas bagi setiap insan dan kepentingan pendidikan tidak dapat disangkal oleh mana-mana pihak. Namun, kos pendidikan yang semakin

meningkat disebabkan oleh faktor ekonomi telah menyebabkan ramai yang tidak dapat memenuhi keperluan ini. Kerajaan, badan-badan berkanun dan juga syarikat swasta telah mengambil inisiatif dengan menyediakan bantuan kewangan dan juga tajaan kepada pelajar-pelajar seperti Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Negara (PTPTN), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Bank-bank dan sebagainya. Selain itu, kerajaan negeri juga ada menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar melalui pusat zakat negeri. Disamping itu, pihak zakat ada menyalurkan bantuan dermasiswa kepada pelajar yang berkelayakan dimana bantuan kewangan ini akan diberi sekali setahun. Namun begitu terdapat juga pelajar-pelajar yang tidak mengetahui dan kurang mendapat maklumat berkenaan bantuan zakat yang disediakan oleh kerajaan negeri.

Justeru itu, Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan inovasi melalui pembangunan sistem permohonan dermasiswa secara elektronik yang dikenali sebagai e-Dermasiswa. Pihak MUIP menyediakan bantuan pengajian dermasiswa yang ditawarkan sekali setahun kepada pelajar-pelajar yang sedang melanjutkan pengajian di Institut Pengajian Tinggi (IPT) atau Pondok bagi pengajian diperingkat Diploma, Sarjana Muda dan Pasca Siswazah dalam dan luar Negara. Sejak inovasi e-dermasiswa dibangunkan pada Januari 2009, terdapat peningkatan dalam jumlah permohonan dermasiswa di negeri Pahang secara purata 4 peratus setahun.

Di Malaysia, proses permohonan dermasiswa secara elektronik telah dipelopori oleh MUIP manakala Majlis Agama Islam Negeri yang lain masih lagi menggunakan permohonan secara manual. Melalui sistem permohonan secara manual pelajar perlu membuat permohonan di institusi zakat negeri masing-masing. Mengikut Rozaini, J. (2011), inovasi e-Dermasiswa yang diperkenalkan ini adalah lebih mesra pengguna, maklumat dan permohonan tanpa sempadan dan meluas (dalam dan luar Negara); keputusan permohonan dapat dibuat dengan cepat dan mudah dan mempercepatkan dan memudahkan proses pembayaran bantuan kepada pelajar. Inovasi e-Dermasiswa yang diperkenalkan dan dilaksanakan oleh MUIP merangkumi menyediakan borang secara elektronik yang dapat dicapai melalui capaian internet. Penggunaan kod jalur digunakan bagi memudahkan urusan penerimaan, pendaftaran kelulusan permohonan, dan proses penyediaan pembayaran. Manakala semakan permohonan boleh dibuat terus melalui laman web, sistem pesanan ringkas (SMS), aplikasi *android* pada setiap masa.

Kajian ini dilaksanakan bagi mengetahui tahap kesedaran dan pengetahuan pelajar tentang e-Dermasiswa. Kesedaran merangkumi tentang pengetahuan responden terhadap sistem ini dan juga pengaplikasian permohonan melalui sistem elektronik. Umum mengetahui bahawa proses permohonan bantuan zakat yang sering digunapakai oleh institusi zakat adalah berbentuk manual iaitu menghadirkan diri di kaunter pengurusan zakat dan segala maklumat akan dilengkapkan didalam borang yang diberikan oleh pegawai dikaunter zakat. Maka dengan itu, pihak MUIP telah mengambil inisiatif dengan membangunkan satu laman web untuk memudahkan para pelajar memohon bantuan pendidikan di MUIP. Bantuan pendidikan ini adalah bersifat zakat pendidikan dan tiada pembayaran balik perlu dilakukan seperti pembiayaan pembelajaran yang lain. Kajian ini telah mencadangkan penggunaan sistem elektronik dalam sistem permohonan dan agihan bantuan zakat bagi meningkatkan lagi mutu serta tahap kualiti perkhidmatan oleh institusi zakat di negeri-negeri lain. Bagi pihak MUIP pula secara langsung dapat mengwar-warkan bahawa sebahagian daripada wang kutipan zakat akan disalurkan terus kepada asnaf fisabillah iaitu sebagai zakat pendidikan selain daripada bantuan-bantuan zakat kepada asnaf yang lain.

2. Inovasi Elektronik

E-Kerajaan merupakan satu alat transformasi yang digunakan oleh badan-badan kerajaan hasil transformasi perkhidmatan. Hasil daripada transformasi yang dicituskan oleh Koridor Raya Multimedia pada tahun 1996, perkhidmatan e-Kerajaan mula diaplikasikan secara berperingkat dikebanyakan di badan kerajaan. Penggunaan secara elektronik ini dianggarkan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan efisien. Hasil kajian oleh Norashikin dan Noraidah (2011), faktor yang mempengaruhi penggunaan e-kerajaan di antaranya ialah faktor yang paling dominan adalah keperluan kepada perkhidmatan kerajaan dan juga faktor pemilikan penguasaan teknologi maklumat. Keberkesanan penggunaan khidmat e-Kerajaan mula dikaji untuk memperoleh kesan keberkesanan khidmat elektronik ini. Tidak kurang juga kajian yang mendapati bahawa penggunaan e-Kerajaan ini masih diperingkat kurang memuaskan. Hasimah dan Siti Hajar (2012), di dalam kajian mereka terdapat beberapa halangan yang dihadapi oleh masyarakat dalam capaian penggunaan khidmat elektronik ini. Antaranya ialah kurangnya pemilikan alatan teknologi mempengaruhi pengetahuan tentang e-kerajaan juga faktor aplikasi e-Kerajaan itu sendiri. Konsep yang diketengahkan oleh pengkaji ialah agar perkhidmatan e-Kerajaan ini berlokalisasikan rakyat. Ini sejajar dengan moto kerajaan untuk rakyat didalam penyampaian maklumat yang bersifat sifar bersemua. Justeru, inovasi yang digunakan mampu menghasilkan perkhidmatan yang lebih cekap dan efisien dan seterusnya meningkatkan lagi persepsi serta keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat didalam pengurusan agihan zakat.

3. Aplikasi Pengurusan Zakat secara Atas Talian

Beberapa kajian berkenaan pengurusan zakat dengan menggunakan aplikasi atas talian telah dijalankan sebelum ini seperti Muda et al. (2013) dan Norhayati (2011). Kedua-dua kajian ini melihat dari sudut pembayar zakat. Muda et al. (2013) mengupas tentang persepsi pengguna laman web LZS terhadap pembayaran zakat secara atas talian. Kajian ini menggunakan sampel bertujuan dengan bilangan 385 responden yang terdiri daripada ahli yang terdapat dalam laman facebook rasmi LZS serta penjawat-penjawat awam dan swasta di Selangor. Tahap persepsi responden telah diukur menggunakan instrumen Model Penerimaan Teknologi yang telah dibangunkan oleh Fred D. Davis (1989) serta diolah mengikut kesesuaian kajian oleh penyelidik. Persepsi responden dipecahkan kepada bahagian kemanfaatan, kemudahan penggunaan dan kepercayaan. Hasil kajian menunjukkan persepsi pengguna laman web zakat LZS terhadap pembayaran zakat secara atas talian adalah tinggi (49.6%) diikuti tahap sederhana (48.6%) dan hanya 1.8% yang memberikan persepsi yang rendah.

Kajian oleh Norhayati (2011) juga mengetengahkan tentang pembayaran zakat melalui atas talian. Beliau menggunakan sampel kajian seramai 130 orang yang terdiri daripada pekerja sektor awam dan swasta. Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengetahui persepsi pengguna terhadap pembayaran zakat melalui atas talian. Kajian beliau turut menguji perkaitan antara persepsi pengguna dengan manfaat penggunaan, kemudahan penggunaan, kawalan tingkah laku dan kepercayaan. Hasil ujian korelasi Pearson menunjukkan terdapat perhubungan positif diantara persepsi pengguna dengan manfaat penggunaan. Selain itu hasil kajian juga mendapati terdapat perkaitan positif yang rendah antara persepsi pengguna dan kemudahan penggunaan. Hipotesis

kajian juga menunjukkan terdapat perkaitan positif antara persepsi pengguna dan kawalan tingkah laku. Akhir sekali hasil analisis menunjukkan terdapat perkaitan positif yang rendah antara persepsi pengguna dengan kepercayaan. Beliau juga mendapati persepsi responden terhadap pembayaran zakat secara atas talian adalah rendah. Daripada kajian lepas yang dilakukan ini, beberapa penambahbaikan boleh dilakukan di mana pengkaji mendapati terdapat ruang untuk menguji dari aspek penerima zakat dan penggunaan ICT berbanding sebelumnya.

4. Metodologi

Kajian berbentuk kuantitatif ini dilaksanakan dengan menggunakan instrumen borang kaji selidik yang telah diedarkan kepada pelajar IPT di sekitar daerah Kuantan iaitu di Kolej Islam Sultan Ahmad Shah (KIPSAS), Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS) dan Universiti Malaysia Pahang (UNIMAP). Unit analisis kajian ini adalah dalam kalangan pelajar yang berasal dari negeri Pahang dan mereka mestilah sedang menuntut di IPT di sekitar Pahang. Keseluruhan responden adalah seramai 322 pelajar daripada pelbagai bidang dan juga peringkat pengajian yang berbeza. Kaedah persampelan yang digunakan adalah *purposive sampling* dimana hanya menumpukan kepada pelajar kelahiran negeri Pahang sahaja. Dengan persampelan berdasarkan beberapa ciri-ciri dan kriteria yang telah ditetapkan, maka kaedah ini adalah yang terbaik untuk bertindak sebagai analisis penyelidikan. Bilangan sampel bagi setiap kawasan yang dikaji adalah berkadaran dengan jumlah penduduk dikawasan tersebut. Dengan cara ini sampel yang dipilih telah dapat mewakili populasi sasaran (Mohd Fauzi et al., 2006). Kajian ini menggunakan model penerimaan teknologi (Technology Acceptance Model) oleh Davis 1989; Davis et al. 1989 dan Maslin Masroom (2007) sebagai asas dalam penilaian tahap keberkesanan sistem permohonan dan agihan bantuan zakat secara elektronik.

5. Perbincangan dan Hasil Kajian

5.1 Analisis Deskriptif

Berdasarkan 350 borang soal selidik yang diedarkan, kajian memperolehi 322 maklum balas daripada responden. Walaubagaimanapun hanya 262 responden sahaja yang boleh digunakan untuk tujuan analisis data kajian. Dapatan menunjukkan seramai 152 orang responden (58%) adalah daripada kawasan bandar dan seramai 110 orang (42%) adalah responden yang berasal dari luar bandar. Responden tertinggi adalah dari daerah Kuantan (41.6%) diikuti oleh responden dari daerah Jerantut (14.1%). Responden yang paling ramai terlibat adalah mahasiswa daripada tahun ke dua pengajian (44.7%), diikuti oleh responden daripada tahun satu pengajian (30.9%) dan responden yang berada pada tahun akhir pengajian adalah (21%). Majoriti responden adalah daripada kalangan mahasiswa perempuan iaitu sebanyak 79% (207 orang) dan 21% (55 orang) responden terdiri daripada mahasiswa lelaki. Majoriti responden berumur 18 hingga 20 tahun (63.4%). Kebanyakan tahap pendidikan responden adalah di peringkat sijil atau diploma (60.3%). Bidang pengajian responden yang dipilih adalah sains sosial, teknologi maklumat, pendidikan, kejuruteraan, perubatan dan lain-lain. Ringkasan ciri-ciri demografi responden adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1. Ciri-ciri Demografi Responden

	Pembolehubah	Frekuensi	Peratus %
Kawasan	Bandar	152	58.0
	Luar Bandar	110	42.0
Daerah	Balok	1	0.4
	Bentong	4	1.5
	Bera	3	1.1
	Cehonor	2	0.4
	Felda Ulu Jempol	1	0.8
	Jengka	17	6.5
	Jerantut	37	14.1
	Kuala Lipis	1	0.4
	Keratong	1	0.4
	Kuantan	110	42.0
	Maran	8	3.1
	Mentakab	5	1.2
	Muazam	3	1.5
	Pekan	15	5.7
	Raub	4	1.5
	Rompin	5	1.9
	Temerloh	15	5.8
Lain-lain	25	9.5	
Semester	Tahun 1	81	32.0
	Tahun 2	117	46.2
	Tahun 3	55	21.7
Jantina	Lelaki	55	21.0
	Perempuan	207	79.0
Umur	18 hingga 20 tahun	166	63.4
	21 hingga 23 tahun	93	35.6
	24 tahun ke atas	3	1.1
Pendidikan	SPM	61	23.3
	STPM/STAM	8	3.1
	Sijil/diploma	158	60.3
	Ijazah	30	11.5
	Lain-lain	5	1.9
Bidang pengajian	Sains Sosial	8	3.1
	Teknologi Maklumat	8	3.1
	Pendidikan	77	29.4
	Kejuruteraan	1	0.4
	Perubatan	4	1.5
	Lain-lain	164	62.5

5.2 Menilai tahap kesedaran tentang sistem aplikasi secara elektronik bagi agihan zakat berbentuk dermasiswa dalam kalangan pelajar

Inovasi pengurusan agihan zakat yang menggunakan aplikasi laman web yang dibangunkan oleh MUIP telah menyelesaikan beberapa permasalahan yang wujud

dalam pengurusan dana zakat seperti penerima lambat menerima bantuan dan proses kerja yang banyak. Namun, tidak dapat dipastikan sejauh mana aplikasi tersebut diketahui umum terutamanya dalam kalangan pelajar IPT yang sememangnya memerlukan bantuan pendidikan disamping tajaan yang telah sedia diterima. Ini kerana dana tajaan sudah tidak boleh menampung keperluan pengajian pelajar pada masa kini. Justeru, bantuan e-Dermasiswa yang disediakan oleh pihak MUIP merupakan talian bantuan yang perlu dimanfaatkan oleh pelajar IPT khususnya di negeri Pahang.

Tahap kesedaran berkenaan sistem e-Dermasiswa diukur berdasarkan sebelas elemen yang menilai pengetahuan responden mengenai e-Dermasiswa seperti kekerapan dan tempoh permohonan dibuka dalam setahun dan corak penggunaan bantuan kewangan e-Dermasiswa yang telah disalurkan kepada responden. Hasil kajian mendapati 81.4 peratus responden mengetahui tentang e-Dermasiswa. Sebanyak 67.2 peratus responden mengetahui tentang e-Dermasiswa daripada ahli keluarga atau rakan-rakan mereka. Selain itu, maklumat dari media cetak dan media elektronik hanyalah sekitar 9.5 peratus dan 9.9 peratus. Pemakluman daripada institusi zakat atau dari bahagian Hal Ehwal Pelajar mengenai e-Dermasiswa hanyalah 12.2 peratus. Majoriti responden (79.0%) sedar bahawa permohonan e-Dermasiswa boleh dibuat hanya sekali setahun. Sebanyak 69.1 peratus responden menyatakan bahawa mereka menyedari permohonan e-Dermasiswa yang dibuka kepada pemohon bermula pada bulan Januari setiap tahun. Hampir keseluruhan responden (86.6%) mengetahui bahawa tempoh permohonan e-Dermasiswa adalah selama 5 bulan.

Sebanyak 83.2 peratus responden menyatakan bahawa tempoh permohonan e-Dermasiswa selama lima bulan adalah mencukupi. Majoriti responden (56.1%) menyatakan bahawa e-Dermasiswa adalah untuk golongan asnaf dan fakir miskin sahaja. Persepsi ini harus ditangani oleh pihak MUIP agar bantuan e-Dermasiswa dapat dimaksimumkan oleh pelajar-pelajar yang lahir atau bermastautin di negeri Pahang. Kebanyakan pemohon e-Dermasiswa (65.3%) pernah memohon dermasiswa pada tahun-tahun sebelum ini. Terdapat juga responden yang telah mendapat bantuan kewangan lain namun masih memerlukan bantuan dermasiswa. Dapatan memperlihatkan bahawa sebanyak 74.4 peratus daripada responden adalah peminjam tabung PTPTN. Ini diikuti pula oleh 7.6 peratus adalah peminjam MARA dan 13.7 peratus mendapat sokongan kewangan dari Yayasan Negeri. Majoriti responden (78.2%) bersetuju bahawa bantuan kewangan e-Dermasiswa digunakan bagi menampung perbelanjaan keperluan pengajian dan hanya 17.6 peratus adalah bagi memenuhi keperluan asas. Hasil kajian juga mendapati, serakan permohonan dermasiswa melalui elektronik (84.0%) merupakan kaedah yang mudah dan mesra pengguna berbanding penggunaan SMS (8.8%). Ringkasan dapatan kajian mengenai tahap kesedaran responden terhadap e-dermasiswa adalah seperti dalam Jadual 2.

6. Kesimpulan

Inovasi e-Dermasiswa yang dibangunkan oleh pihak MUIP adalah lebih bersistematik dan efisien dalam pengurusan zakat pendidikan. Kajian ini dilaksanakan bagi menilai tahap kesedaran dalam kalangan pelajar berkenaan e-Dermasiswa. Namun tidak dapat dipastikan sejauh mana aplikasi tersebut diketahui umum terutamanya dalam kalangan pelajar IPT yang sememangnya memerlukan bantuan pendidikan disamping tajaan yang telah sedia diterima. Ini kerana dana tajaan sudah tidak boleh menampung keperluan pengajian pelajar pada masa kini. Justeru, bantuan e-Dermasiswa yang

Jadual 2. Tahap Kesedaran Responden terhadap e-Dermasiswa

	Pembolehubah	Frekuensi	Peratus %
Mendengar tentang e-Dermasiswa	Ya	262	100.0
	Tidak	0	0
Mengetahui tentang e-Dermasiswa melalui	Ahli keluarga atau rakan	176	67.2
	Media cetak	25	9.5
	Media elektronik	26	9.9
	Institusi zakat atau pengajian	32	12.2
	Lain-lain	3	1.1
Permohonan e-Dermasiswa boleh dibuat sebanyak	1 kali setahun	207	79.0
	2 kali setahun	31	11.8
	3 kali setahun	15	5.7
	4 kali setahun	2	0.8
	Lain-lain	7	2.7
Bulan dimana permohonan e-Dermasiswa dibuka	Januari	181	69.1
	Jun	49	18.7
	Disember	28	10.7
	Lain-lain	4	1.5
Tempoh dimana permohonan e-Dermasiswa dibuka	1 bulan	15	5.7
	5 bulan	227	86.6
	8 bulan	12	4.6
	Sepanjang tahun	4	1.5
	Lain-lain	4	1.5
Tempoh permohonan mencukupi.	Ya	218	83.2
	Tidak	44	16.8
Dermasiswa adalah untuk golongan asnaf dan fakir miskin sahaja	Ya	115	43.9
	Tidak	147	56.1
Pernah memohon dermasiswa sebelum ini	Ya	171	65.3
	Tidak	91	34.7
Bantuan kewangan lain	PTPTN	195	74.4
	MARA	20	7.6
	Yayasan Negeri	36	13.7
	Tajaan bank	1	0.4
	Lain-lain	10	3.8
Kegunaan dermasiswa yang diperolehi	Keperluan asas	46	17.6
	Keperluan pengajian	205	78.2
	Keperluan harian	3	1.1
	Lain-lain	8	3.1
Cara membuat semakan kelulusan e-Dermasiswa	SMS	23	8.8
	Elektronik	220	84.0
	Aplikasi telefon pintar	16	6.1
	Pejabat	2	0.8
	Lain-lain	1	0.4

disediakan oleh pihak MUIP merupakan talian bantuan yang perlu dimanfaatkan oleh pelajar IPT khususnya pelajar yang berasal dari negeri Pahang. Inovasi pengurusan agihan zakat yang menggunakan aplikasi laman web yang dibangunkan oleh MUIP uga telah menyelesaikan beberapa permasalahan yang wujud dalam pengurusan dana zakat seperti penerima lambat menerima bantuan dan proses kerja yang banyak.

Dapatan kajian merumuskan bahawa tahap kesedaran pelajar tentang e-Dermasiswa adalah baik dengan kadar peratusan 81.4 peratus. Namun begitu masih terdapat 19.6 peratus pelajar yang belum mengetahui tentang permohonan zakat pendidikan secara elektronik. Ini kerana terdapat pelajar yang tidak mempunyai kebolehcapaian terhadap teknologi internet. Disamping itu juga, peranan ahli keluarga dan rakan adalah sangat penting dalam menyebarkan maklumat tentang e-dermasiswa kepada pelajar. Selain daripada itu, tahap kesedaran dikalangan responden adalah rendah mengenai syarat kelayakan permohonan dermasiswa ini, dimana ianya adalah terbuka kepada semua pelajar dan bukan hanya terhad kepada asnaf fakir miskin sahaja.

Rujukan

- Abdul Rahman, A. R. (2003). Zakat on Business Wealth in Malaysia: Corporate Tax Rebate, Accountability, and Governance. *Jurnal IKIM*, 11(1): 37-50.
- Abdullah, S. A. J., & Ibrahim, F. W. (2007). Memenuhi keperluan pelajar di universiti awam Malaysia: Aspek pendapatan dan perbelanjaan. *REKAYASA—Journal of Ethics, Legal and Governance*, 3: 50-60.
- Ahmad, S., & Wahid, H. (2005). Penerimaan dan Tanggapan Masyarakat terhadap Sumber Harta Zakat Harta yang Diikhtilaf. *Islamiyyat*, 27(1): 45-65.
- Asteriou, D. & Agiomirgianakis, G. M. (2001). Human Capital and Economic Growth Time Series Evidence from Greece. *Journal of Policy Modelling* 23: 481-489.
- Barro, R. J., & Lee, J. W. (1994). Sources of economic growth. In Carnegie-Rochester conference series on public policy, Vol. 40, pp. 1-46. North-Holland.
- Davis F. D, Bagozzi R. P., & Warshaw P. R., (1989) User acceptance of computer technology: a comparison of two theoretical models. *Management Sciences*, 35 (8): 982–1003.
- Davis, F. D. (1989). Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology. *MIS Quarterly*, 13 (3): 318-340.
- Davis, F. D. (1993). User acceptance of information technology: system characteristics, user perceptions and behavioral impacts. *International Journal of Man-Machine Studies*, 38:475-487.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, & Radiah Abdul Kader. (2009). Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati? *Jurnal Syariah*, 17(1): 89–112.
- Idris, K. M., & Ayob, A. M. (2002). Peranan Sikap dalam Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji. *ANALISIS*, 9(1 & 2): 171-191.
- Idris, K. M., Ali, E. I. E., & Ali, J. (2003). The Role of Intrinsic Motivational Factors on Compliance Behaviour of Zakat on Employment Income. *Jurnal Pembangunan Sosial*, Jilid 6 & 7: 95-122.
- Ismail (eds.) *Zakat: Aspects of Sharia, Economic and Law* (in Bahasa Malaysia). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ismail, A. G. & Sanusi, N. A. (2006). Metodologi Pengiraan Zakat dan Nilai Syarikat. (Zakat Calculation Methodology and Firm Value). In Hailani Muji Tahir and Abd. Ghafar.
- Klenow, P., & Rodriguez-Clare, A. (1997). The neoclassical revival in growth economics: Has it gone too far? In *NBER Macroeconomics Annual*, Vol. 12: 73-114. MIT Press.
- Laporan Rancangan Malaysia ke 11, Kertas strategi ke 21: Inovasi Penjana Kerajaan. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.
- Laporan Tahunan Perangkaan Pendidikan Negara (2008-2014). Sektor Pengajian Tinggi.
- Lau, L. J., Jamison, D. T., Liu, S-c., Rivkin, S. (1993). Education and Economic Growth Some Cross-Sectional Evidence from Brazil. *Journal of Development Economics*, 41: 316- 320.
- Lin, T. C. (2003). Education, Technical Progress, And Economic Growth: The Case of Taiwan. *Economic of Education Review*, 22: 213-220.
- Ma, Q. & Liu, L. (2004). The Technology Acceptance Model: A meta-analysis of empirical findings. *Journal of Organizational and End User Computing*, 16(1): 59-72.
- Mohamed Izam, M. Y. (2010). Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor: Mengorak Langkah Meneraju Perubahan. USM Pulau Pinang.
- Noorhayati, A. H. (2011). Customers' perception of online zakat payment between government and private sector employee. Tesis Disertasi. Universiti Utara Malaysia.
- Nor, M. A. M., Wahid, H., & Nor, N. G. M. (2004). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia. *Islamiyyat*, 26(2): 59-67.
- Norazlina, A. R & Abdul Rahim A. R. (2012). Efficiency of Zakat Institutions and Its Determinants. Conference paper, 8th International Conference on Islamic Economics and Finance.
- Norma, S. & Naziruddin, A. (2014). Is Zakat Capable of Alleviating Poverty? An Analysis on the Distribution of Zakat Fund in Malaysia. *Journal of Islamic Economics & Banking*, Vol. 10(1).
- Petrakis, P. E & Stamatakis, D. (2002). Growth and Educational Levels: A Comparative Studies. *Economics of Education Review*, 21: 513-521.
- Rahmah Ismail. (1998). Sumbangan Pendidikan Kepada Pertumbuhan Ekonomi Malaysia, 1970-1996. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 32: 3-20.
- Rozaini Jumali (2011). Laporan Inovasi e-Dermasiswa. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP).
- Self, S., & Grabowski, R. (2004). Does Education at All Levels Cause Growth? India, A Case Study. *Economics of Education Review*, 23: 47-55.
- Shofian, A. & Amir Husin, M. N. (2002). Zakat membangun ummah. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn Bhd.
- www.muip.gov.my.